

Pemimpin Islam tidak selesa penubuhan

UM 27 FEB 2002
Daripada ABDULLAH HASSAN

LONDON 25 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad berkata, pemimpin-pemimpin Islam masih merasa tidak selesa mengenai penubuhan sebuah pertubuhan antara agama di Malaysia dan lebih banyak masa diperlukan bagi mengurangkan perasaan itu di kalangan mereka.

Perdana Menteri berkata, terdapat orang Islam yang konservatif merasa bimbang dijangkiti fahaman lain walaupun mereka tidak mempunyai masalah untuk bertemu para pemimpin agama.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan yang diajukan kepadanya di sebuah majlis di House of Lords, di mana beliau menjadi tetamu kehormat Baroness Udin dari Bethnel Green.

Hampir 80 tetamu, kebanyakan daripadanya anggota parlimen British hadir pada majlis itu.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai tradisi cemerlang seperti rumah terbuka dengan orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat saling kunjung mengunjungi pada hari perayaan walaupun mereka menganut agama berlainan.

Mengenai usaha menterjemahkan teks Kristian ke Bahasa Melayu, beliau menjelaskan bahawa kerajaan harus berhati-hati dalam soal ini kerana penggunaan kata-kata yang sama sebagaimana yang wujud dalam Islam boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam.

Katanya, keadaan ini tidak akan timbul apabila orang ramai mempunyai kefahaman yang lebih.

Kitab Injil Sabah yang terdapat dalam Bahasa Malaysia tidak lagi menimbulkan kekeliruan kerana orang ramai sudah kenal dengan rangkai kata yang digunakan dalam kedua-dua Kitab.

Pelampau

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr. Mahathir mengulangi bahawa Islam adalah agama yang banyak disalah ertikan di Barat kerana menyamakan pelampau agama dengan fundamentalis sedangkan fundamentalis mengutamakan keamanan.

“Sekiranya kita mengikut rukun-rukun fundamental dalam Islam, kita berfahaman sederhana, menerima dan menghormati perbezaan agama dan cuba menyesuaikan diri dengan penganut agama lain,” katanya.

pertubuhan antara agama

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa mahu memastikan pandangan golongan pelampau (agama) tidak akan dapat mempengaruhi rakyat dan kerajaan sentiasa berusaha mencegah penyalahgunaan agama.

Beliau berkata Pas menyalah tafsirkan Islam dan mengecam parti itu kerana pandangannya yang sempit terhadap peranan wanita Islam dalam masyarakat.

Ini, katanya, adalah bertentangan dengan UMNO yang sentiasa menggalakkan kaum wanita melibatkan diri sepenuhnya dalam pembangunan negara.

Hasilnya, wanita Islam kini berjaya membuktikan kemampuan mereka menghadapi cabaran dan ramai yang memegang jawatan tinggi seperti Gabenor Bank Negara.

Beliau memberitahu majlis itu, ramai wanita Islam Malaysia memegang pelbagai jawatan tinggi dalam semua sektor.

Perdana Menteri, bagaimanapun masih tidak puas hati dengan kurangnya kaum lelaki Islam yang mengejar pendidikan tinggi dan masih ada yang mengabaikan pelajaran untuk membabitkan diri dalam politik.

Katanya, ini perlu diimbangkan kerana 70 peratus mahasiswa Islam di Malaysia adalah wanita.

Beliau berkata, setengah daripada penduduk Islam di Malaysia adalah wanita dan jika mereka tidak diberi peluang untuk maju, masyarakat Islam akan menjadi lemah. - Utusan